

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW ANTARA SPU 2019

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4870-kejohanan-sepak-takraw-antara-spu-2019

TANJUNG BUNGAH, 19 Apr 19 - Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah menganjurkan pertandingan Sepak Takraw antara SPU yang telah dirasmikan oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM. Dalam kejohanan ini sebanyak 6 buah kumpulan SPU telah bertanding bagi merebut gelaran Johan.

Pada tahun ini, Kumpulan SPU 3 telah dinobatkan sebagai Johan manakala Naib Johan telah disandang oleh Kumpulan SPU 1. Tempat ke-3 pula telah disandang oleh Kumpulan SPU 6. Di akhir kejohanan ini, Pegawai Memerintah INSKEP telah menyempurnakan penyampaian hadiah sekaligus menutup tirai kejohanan tersebut.



